

# Cagamas terbit CMTN RM1 bilion

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** - Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd. (Cagamas) mengumumkan penerbitan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) setahun dengan jumlah keseluruhan kira-kira RM1 bilion.

Terbitan bon itu dibuat dalam dua mata wang itu iaitu dolar Amerika Syarikat (AS) dengan nilai AS\$130 juta (RM533 juta) dan ringgit, RM470 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chung Chee Leong berkata, terbitan dalam dolar AS dibuat mela-

lui anak syarikat milik penuhnya, Cagamas Global P.L.C di bawah program Nota Konvensional Pelbagai Mata Wang Jangka Sederhana (EMTN) bernilai AS\$2.5 bilion.

Beliau berkata, terbitan bon dalam ringgit pula di bawah Program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN)/ Nota Jangka Sederhana (MTN) bernilai RM40 bilion sedia ada.

“Pemantauan yang konsisten dan analisis mengenai kelebihan perbandingan antara mata wang asing dan terbitan bon domestik

membawa kepada penerbitan bon berkenaan.

“Berikutan ketidaktentuan dalam jangkaan kadar faedah, penerbitan bon dalam dua mata wang mempunyai kelebihan untuk mendapatkan kos pembiayaan purata wajaran yang lebih rendah,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Chee Leong, terbitan ringgit mencapai bidaan dengan nisbah 2.6 kali dan dilanggan oleh pelbagai pelabur terdiri termasuk pengurus aset dan institusi kewangan.